



Program Bumi Hijau Pupuk Pelajar Harga Hutan



Pelajar UPM melihat pameran yang disediakan oleh Jabatan Perhilitan.

PUCHONG, 1 Mac – Seramai 121 orang pelajar tahun satu Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan program Bumi Hijau untuk menupuk semangat menghargai alam sekitar di Hutan Simpan Ayer Hitam di sini, baru-baru ini.

Program dua hari yang bertujuan mendedahkan pelajar penjagaan alam sekitar turut menganjurkan aktiviti perkhemahan, suaikenal, meronda hutan pada waktu malam, malam kebudayaan, ceramah Jabatan Perhilitan dan menanam pokok hutan.

Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata program Bumi Hijau merupakan salah satu aktiviti di bawah kursus kokurikulum Bakti Siswa yang memberi mendedahkan pelajar kepada alam sekitar.

"Bakti Siswa merupakan salah satu kursus kokurikulum berkecuali yang dipantau oleh Pusat Kokurikulum UPM merangkumi komponen kepimpinan, kemasyarakatan dan hubungan komuniti.

"Penganjur Bumi Hijau telah memilih modul Alam Sekitar dan Rekreasi yang memberi penekanan penjagaan alam sekitar," katanya ketika pada majlis penutup program Bumi Hijau.

Beliau berkata pelajar dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran yang diperlukan sebelum mengharungi zaman pekerjaan melalui penglibatan dalam program yang dianjurkan.

Sementara itu, pengarah program tersebut Nor Amin Mohd Isa berkata sebelum ini program Bakti Siswa hanya membuat lawatan dan membantu anak yatim tetapi program kali ini lebih berunsur elemen cintakan alam sekitar di samping mengekalkan program lama tersebut.

Pada hari terakhir program pelajar-pelajar telah menanam 250 anak pokok hutan di Hutan Simpan Ayer Hitam.



Pelajar UPM bergabang selepas aktiviti menanam anak pokok hutan di Hutan Simpan Ayer Hitam.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.